

DBKL, LLM dan Kesas buka laluan susur dua minggu lagi

Penantian penduduk berakhir



Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusanikota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Mei - Penantian penduduk di sekitar Bukit Jalil untuk menyusur masuk terus ke Lebuhraya Shah Alam (Kesas), arah pusat bandar berdekatan persimpangan Jalan Kecil, bakal berakhir tidak lama lagi.

Setujuan yang dicapai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Kesas dalam satu mesyuarat Rabu lalu untuk membuka laluan susur dalam tempoh dua minggu dari sekarang.



KERATAN Utusan Malaysia keluaran 18 Mei 2012.

Timbalan Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL, Abdul Hamid Surip berkata, susur masuk

le Kesas itu hanya akan dibuka setelah ujian pemasangan lampu isyarat selesai.

Terpaksa ambil jalan jauh

KUALA LUMPUR (18 Mei) - Susur masuk ke pusat bandar di sekitar Bukit Jalil di area yang kerap terhalang kerana Kesyor Shah Alam (Kesas) terpaksa mengambil jalan jauh kerana laluan susur masuk ke pusat bandar itu masih ditutup dengan blok konkrit. Timbalan Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar DBKL, Abdul Hamid Surip berkata, susur masuk ke pusat bandar itu hanya akan dibuka setelah ujian pemasangan lampu isyarat selesai.

“DBKL akan memantau sistem lampu isyarat yang baru dipasang di susur tersebut bersama lampu isyarat sedia ada di simpang empat berdekatan,” katanya.

Beliau mengulas rungutan penduduk sekitar Vista Komanwel di sini yang terpaksa melakukan pusingan U di Jalan 2/149 berdekatan Sri Petaling yang terletak lebih 100 meter dari laluan susur masuk itu.

Laluan tersebut selama ini ditutup dengan blok konkrit yang bertujuan menghalang kenderaan dari Bukit Jalil membelok ke Kesas sebelum menyusur masuk ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban untuk ke pusat bandar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Kesas, Imran Gulcharan Abdullah berkata, reka bentuk asal lebuhraya tersebut tidak merangkumi pembinaan susur masuk di jalan tersebut.

“Reka bentuk pada 1996 tidak termasuk susur tersebut namun LLM memberikan kelulusan bersyarat kepada DBKL pada 2006 untuk membina susur di persimpangan itu.

“Kesas tidak akan terlibat dan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang salah faham atau tindakan susulan pada kemudian hari,” katanya dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.